



KUiTTHO.(PB)10.12/04(03)

Tarikh: 7 Jun 2002

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 /2002

Ketua Pusat Tanggungjawab
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Kontraktor-kontraktor kerja/bekalan /perkhidmatan

**HAD AMAUN RM20,000.00 KE ATAS BAGI URUSAN PEMFAKTORAN DAN TAWARAN
HARGA CIF BAGI PEROLEHAN KURANG RM 50,000.00**

- a) Had amaun RM 20,000.00 urusan pemfaktoran bagi perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab serta kontraktor-kotraktor yang berurusan dengan pihak KUiTTHO.
- b) Tawaran harga CIF bagi perolehan di bawah nilai RM 50,000.00 seunit yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab dan nilai yang melebihi RM50,000 seunit ditawarkan secara FOB.

1.0 Had Amaun RM20,000.00 Ke Atas Bagi Urusan Pemfaktoran

Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Pengarah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn telah bersetuju untuk menerima pemakaian Pekeling ini seperti berikut:-

- 1.1. Urusan pemfaktoran untuk semua jenis perolehan samada kerja,bekalan dan perkhidmatan hanya dibenarkan bagi amaun yang nilainya lebih daripada RM 20,000.00.Sebbarang urusan daripada pihak kontraktor yang ingin membuat pemfaktoran hanya akan diproses oleh Pejabat Bendahari dengan had amaun tidak kurang daripada RM 20,000.00.

1.2. Syarat-syarat dalam urusan pemfaktoran

- 1.2.1. Semua urusan pemfaktoran dikendalikan oleh pejabat Bendahari.
- 1.2.2. Kontraktor di minta mengemukakan permohonan sebelum proses tuntutan bayaran dan menyertakan dokumen berikut semasa membuat pemfaktoran.
 - a) Pesanan tempatan (LO) asal dan satu salinan yang telah diakui sah.
 - b) Surat pengesahan pemfaktoran daripada agensi/syarikat kewangan berlesen yang memberikan kemudahan pemfaktoran.(Sertakan dalam tiga salinan)
 - c) Satu salinan perjanjian antara kontraktor dengan agensi/syarikat kewangan berlesen mengenai kemudahan pemfaktoran.
- 1.2.3. Permohonan yang lengkap sahaja akan di proses.
- 1.2.4. Kelulusan pemfaktoran tidak akan diperolehi dengan serta merta kerana ia hanya diberikan kepada pegawai yang diberi kuasa oleh Bendahari.

2.0. TAWARAN HARGA CIF BAGI NILAI PEROLEHAN SEBUTHARGA KURANG RM 50,000.00 SEUNIT DAN FOB JIKA NILAI MELEBIHI RM50,000.00 SEUNIT

Dimaklumkan bahawa Lembaga Pengarah Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn telah bersetuju untuk menerima pemakaian Pekeliling ini seperti berikut:-

2.1. Definisi

CIF bermaksud Cost, Insurance and Freight di mana kontraktor yang terbabit membekalkan barang dari luar negara bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan dengan pengangkutan dan insuransnya. Semua kos perlulah ditanggung oleh pihak kontraktor di mana semasa mengemukakan tawaran harga bagi bekalan barang tersebut perlulah diambil kira kos pengangkutan dan kos insuran.

Pekeliling ini bertujuan memperjelaskan kaedah sebutharga dengan nilai kurang daripada RM 50,000.00 menggunakan tawaran harga CIF bagi mempercepatkan urusan penghantaran barang dalam masa yang munasabah. Surat pekeliling Perbendaharaan Bil 7/1998 mengenai garis panduan pengurusan barang import/eksport kerajaan di para 3.2.1 adalah dirujuk yang menyebut "Semua barang import bernilai melebihi RM 50,000.00 bagi setiap item hendaklah diurus perolehannya melalui kaedah pembelian secara FOB di mana pembeli(Universiti) menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengangkutan dan insurans".

2.2. Perubahan jadual harga dalam dokumen sebutharga adalah seperti dilampirkan.

3.0. Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

Sekian , terima kasih. Wassalam.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Benar,

ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Pemangku Bendahari

Samb. 6007

- | | | |
|------|----|---------------------------------|
| s.k. | 1. | Yang Berbahagia Rektor, KUiTTHO |
| | 2. | Timbalan Rektor (HEP) |
| | 3. | Timbalan Rektor (Akademik) |
| | 4. | Pendaftar |
| | 5. | Unit Audit Dalam |

UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN
JAL HARGA & PENENTUAN TEKNIKAL

BEN-PKL(3/2002)/D

Bil	Spesifikasi am/ Spesifikasi teknikal PTJ	Model/ Negara Pembuat	Penentuan Teknikal Syarikat	Kuantiti	Harga Seunit *Harga item seunit dibawah RM50,000 mesti ditawarkan secara CIF dan melebihi RM50,000 mesti ditawarkan secara FOB	Jumlah Harga Bersih	Tempoh Bekalan
				Tanpa Cukai	Bercukai		

.....
Tandatangan Asal:
Pegawai/Pensyarah Bertanggungjawab

.....
Tandatangan & Cop Syarikat